

Suluh Masa Depan

Sistem Bahasa

Bahagian A

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Abang Kamil _____ semak di belakang rumah.
 A menebas C memotong
 B mengerat D menggunting
- 2 Puan Laila menghidangkan makanan di atas meja _____ menunggu suaminya pulang dari pejabat.
 A dan
 B namun
 C walaupun
 D sementara

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Buku yang baru dibeli oleh Kamariah itu disusun dan disimpan *di dalam* laci.
 II Jamilah menyimpan semua barang keperluan *di dalam* beg.
 III Manisah bercadang untuk menuntut ilmu *di dalam* bidang komunikasi di universiti awam.
 IV Merokok di tempat awam merupakan perbuatan yang salah *di dalam* undang-undang.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 4

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 4 Jamilah mengingatkan Marina supaya mengikut had laju yang telah ditetapkan.
 A “Marina, kamu mestilah mengikut had laju yang telah ditetapkan,” kata Jamilah.
 B “Jamilah, kamu mestilah mematuhi had laju yang ditetapkan,” kata Marina.
 C “Marina, janganlah kamu memandu laju sehingga melebihi had yang ditetapkan,” kata Jamilah.
 D “Jamilah, sekiranya kamu mematuhi had laju yang ditetapkan, kamu mesti akan selamat,” kata Marina.

Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I “Minta tolong belikan saya air soya di kedai Pak Kadir,” pinta Ali.
 II “Jemput datang di majlis perasmian klinik terbaharu saya nanti,” kata Doktor Siti Saleha.
 III “Usah terlalu fikirkan komen negatif pesaing kamu,” pesan Puan Ziela kepada anaknya.
 IV Sila penuhkan ruang kosong di bahagian hadapan dewan terlebih dahulu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 6 “Jasa dan pengorbanan yang telah kamu curahkan akan kami kenang,” kata Ali dan Muthu.

Peribahasa yang berikut sesuai untuk menggambarkan situasi yang diberikan, kecuali

- A berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian
- B hutang emas boleh dibayar hutang budi dibawa mati
- C orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa
- D hancur badan dikandung tanah, budi yang baik dikenang juga

Bahagian B

- 1 Dalam bahan di bawah, terdapat **dua kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin bahan itu semula.

Rasuah ialah penyakit sosial yang dapat mencemarkan imej sesebuah negara dan rakyatnya. Penyakit ini akan menggugat kesetabilan sosial negara, apatah lagi ketika kerajaan sedang mencanangkan program pembangunan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Situasi ini akan menjejaskan keyakinan pelabur asing terhadap kecekapan sistem perundangan serta birokerasi negara ini.

- (a) _____

- (b) _____

- 2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (a) “Oh, nama saya Shahrul! Selamat berkenalan,” kata murid baharu itu.

- (b) Mee Ling, Hanna dan Raisya teruja kerana mereka bertiga akan menyertai lawatan ke Singapura.

- (c) Antara punca-punca kemalangan jalan raya ialah kecuaian pemandu.

